

13 JAN 2002

Mahathir-pelumba (Bergambar)

DR MAHATHIR BERI KATA SEMANGAT KEPADA PELUMBA KART NEGARA

LANGKAWI, 13 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meninjau kemajuan pelbagai projek pembangunan di sini untuk hari kedua sempat memberi kata-kata semangat kepada pelumba negara bagi kejohanan Kart Rotax Max Grand final kedua yang akan berlangsung di litar kart Morac di sini 25 dan 26 Jan ini.

Semasa melawat litar itu yang sedang dalam proses pembesaran sebagai persiapan menjayakan kejohanan itu, Perdana Menteri berbual dengan pemandu utama pasukan Malaysia Ferhan Fauzy, Raja Razman Raja Idris, Martin Druhan dan Rodney Magness.

Dr Mahathir yang dijadual melepaskan peserta dalam kejohanan itu.

Sebanyak 78 pelumba dari 31 negara telah menempah tiket ke pusingan kelayakan dan akhir dan daripada jumlah itu, 40 pelumba akan beraksi pada grand final dalam kejohanan anjuran Mofaz Motorsport, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Langkawi Motorsport itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir mendengar taklimat daripada Pengerusi Kumpulan Mofaz Mohamad Fauzy Abdul Hamid mengenai projek pembesaran litar itu daripada 990 meter kepada 1,230 meter yang menelan belanja RM3 juta selain mempunyai tempat duduk berbumbung yang boleh menampung 600 penonton.

Dr Mahathir bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kemudian melawat Taman Buaya di Teluk Datai sebelum meninjau projek penambahan 100 bilik dan kemudahan spa di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort di Teluk Burau.

Perdana Menteri meneruskan lawatan kerjanya itu dengan meninjau kemajuan projek perkhidmatan kereta kabel di Teluk Burau.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan pelbagai projek di Langkawi terutama kereta kabel yang menurut beliau akan dapat menarik lebih banyak pelancong ke pulau peranginan itu kerana pemandangan dari puncak Gunung Machinchang amat menarik.

Projek bernilai RM45 juta itu kini 70 peratus siap. Ia dijalankan secara usaha sama oleh Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

Ia dijangka beroperasi April tahun depan bagi menghubungkan kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Dr Mahathir pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

-- BERNAMA

NH MAI